

04/11/2003

Abdullah tidak keseorangan majukan negara

Azimi Daim

PERSARAAN Tun Dr Mahathir Mohamad dan pemergiannya ke luar negara membuat

hati ini berasa sunyi. Orang yang sangat disayangi rakyat bukan pergi buat

selama-lamanya, tetapi bersara dari jawatan tertinggi negara dan parti.

Alhamdulillah dan kita berterima kasih kerana ayahanda Dr Mahathir sudah

menempa satu platform utama untuk Malaysia terus memacu kejayaan dan kecemerlangan.

Nasib generasi akan datang nampaknya cerah asalkan sanggup memelihara asas kejayaan itu dan bekerja kuat mencapai matlamat menjadi negara yang lebih gagah di dunia. Malah, generasi akan datang juga sudah dibimbing ke

hala tuju menjadi warga dunia.

Tiada hadiah yang paling istimewa buat Dr Mahathir dan isterinya selain

terus menterjemah, melaksanakan Wawasan 2020, meningkatkan teknologi, membawa kemajuan kepada negara dan me-nyumbang kepada seluruh dunia.

Tahniah dari saya dan rakan-rakan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Kami sangat bersyukur kerana segala usaha media asing dan dalangnya untuk merosakkan nama Perdana Menteri kita kini gagal.

Kuasa luar mahu sebaik saja peralihan kuasa sempurna, pelbagai pihak mencabar kewibawaan pucuk pimpinan negara. Itulah sebabnya mereka sering mengajukan soalan sama ada Pak Lah mampu menyamai keupayaan Dr Mahathir dan sebagainya.

Rupa-rupanya soalan yang sama juga memberi peluang banyak pihak memikirkan dengan waras dan menjawab dengan tepat. Tidak adil membuat perbandingan sedemikian, tetapi kini Dr Mahathir meninggalkan jawatannya dalam keadaan negara sudah cukup bersedia untuk mencari lonjakan kemajuan seterusnya.

Justeru, kegagalan kuasa asing menimbulkan keraguan itu, pelantikan Pak

Lah mendapat sokongan yang padu dari segenap lapisan rakyat, ahli dan pemimpin parti. Liputan kedua-dua pemimpin itu juga seimbang sekali gus menghalang agenda penjajah.

Bagaimanapun, ada juga beberapa kelompok di dalam negara cuba membawa ketidaktentuan dalam negara dan mencabar Pak Lah dengan membuat berpuluh-

puluh laporan polis terhadap bekas Perdana Menteri. Harapan mereka apabila

Pak Lah gagal menangani isu dan gimik politik mereka itu dengan bijaksana,

negara akan kucar-kacir dan tampuk pimpinan bertukar mengikut selera mereka.

Kaedah ini sama dengan reformasi yang dilakukan di negara lain.

Akhirnya

golongan yang banyak membuat bantahan berjaya menaikkan calon pilihan

mereka menerajui negara. Malangnya, sampai ke hari ini negaranya terjajah, ekonomi dan politik mengikut telunjuk asing.

Malaysia berjaya melahirkan pemimpin yang `tidak pekak' tetapi peka, `tidak buta' tetapi tajam pengamatannya hingga jauh ke depan, `tidak tidur' tetapi sentiasa siap siaga. Janganlah ada yang mengada-ngada melaung gimik untuk mencapai kepentingan kumpulan sendiri sehingga membelakangkan, menggadai dan mempertaruh kepentingan agama, bangsa dan negara.

Maka menjadi amanah kepada generasi akan datang mempertahankan perpaduan, keamanan dan kemajuan negara ini daripada usaha meruntuhkan negara oleh golongan itu. Kita sekat pengkhianatan itu.

Di bahu Pak Lah, pemimpin dan rakyat yang bertanggungjawab di negara ini, terpikul amanah untuk menjadikan seluruh negara lembah silikon - tapak kemajuan pelbagai teknologi yang memberi manfaat kepada masyarakat setempat dan seluruh dunia. Biar kita setanding dan jauh menyaingi teknologi dan kemajuan Jepun.

Lebih besar daripada itu, seluruh dunia Islam dan negara membangun menggantungkan harapan kepada negara ini bukan sekadar menjadi jurubicara mereka, malah melaksana dan merealisasikan pelbagai resolusi.

Kunci semua itu adalah perpaduan, keamanan, mengejar ilmu, bekerja kuat, pragmatik, benar dan berani. Seperti Dr Mahathir, kita perlu berani melaksanakan perkara yang kita yakin benar dan boleh berjaya. Namun kali ini kita tidak perlu membiarkan Pak Lah keseorangan dalam melaksanakan sebarang usaha membawa kemajuan, sebaliknya memberikan sokongan padu dan bersama mengorak langkah ke arah kecemerlangan.

Generasi muda kini bertanggungjawab untuk bersama menempa kecemerlangan itu. Pentas kita bukan saja di negara ini, malah menuju antarabangsa. Golongan pelajar bekerja keras menuntut ilmu, belia menggerakkan wawasan dan pemimpin membimbing kegemilangan.